



**KENYATAAN MEDIA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) KOMITED BANTERAS**  
**GEJALA KAUT IKAN DAN SALAH LAKU**

**ISU**

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ingin memberi maklumbalas mengenai isu yang dibangkitkan sejak akhir-akhir ini mengenai **ketirisan sumber perikanan ke Negara jiran dan penahanan anggota penguatkuasa** yang disyaki terlibat di dalam salah laku.
2. **Ketirisan sumber perikanan** melibatkan pendaratan hasil tangkapan di luar negara, pemindahan ikan di tengah laut dan juga pencerobohan vesel dari luar negara untuk mengambil sumber perikanan negara.
3. Dianggarkan sebanyak **980,000 tan metrik hasil laut negara yang bernilai antara RM3 bilion hingga RM6 bilion hilang** setiap tahun akibat aktiviti pencerobohan nelayan asing. Hanya 50% ikan yang ditangkap di perairan negara, didaratkan di Malaysia. Selebihnya yang ditangkap dari perairan EEZ Malaysia TIDAK dilaporkan (Unreported), bermakna berlaku pencerobohan oleh nelayan asing yang mencuri hasil laut negara.
4. Ini turut melibatkan isu **ketirisan sumber sotong** ke negara jiran yang memberi kesan kepada bekalan sotong di pasaran. Dianggarkan peratusan IUU sotong di Selat Melaka sebanyak 2.6%-3.6% (991-1,383 tm/tahun), di utara **Pantai Timur sebanyak 14.8%-16.5% (3,646-4,140 tm/tahun)** dan di Sarawak sebanyak 12.9%-45.1% (600-3,335 tm/tahun). Kehilangan bekalan sotong melalui IUU ini agak signifikan di kawasan **Laut China Selatan** dan usaha perlu dipertingkatkan bagi mengurangkan masalah IUU bagi meningkatkan pendaratan bekalan sotong di pasaran tempatan.

## **PENGUATKUASAAN**

5. Penyelarasan penguatkuasaan maritim diketuai oleh APMM dan disokong oleh **Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)** dan Pasukan Polis Marin. Penguatkuasaan terhadap pencerobohan vesel asing dijalankan oleh APMM manakala **penguatkuasaan bagi kes tempatan** dikendalikan oleh DOF dan Polis Marin. **DOF KOMITED untuk menjalankan penguatkuasaan sepenuhnya melibatkan zon perikanan pantai.**
6. Terdapat cubaan sogokan rasuah oleh nelayan Vietnam pada 23 Mei 2017 yang lalu di mana **anggota penguatkuasa Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah cuba disogok dengan wang tunai RM1,500** sewaktu menjalankan operasi di 43 batu nautika dari pantai Tg. Sedili, Johor. **Wang dan laporan cubaan sogokan tersebut telah diserah dan dilaporkan kepada pihak SPRM Johor Bahru untuk tindakan lanjut. DOF menyokong penuh tindakan SPRM dalam membanteras gejala salah laku dan rasuah anggota perkhidmatan awam.**

## **DATA TANGKAPAN 2016 HINGGA KINI**

7. Dari tahun 2016 hingga kini, sebanyak **256 kes tangkapan bot asing** dengan nilai rampasan dianggarkan sebanyak **RM180 juta** telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi penguatkuasa Negara dan DOF mencatatkan sebanyak 6 kes tangkapan bot asing. Sebanyak **2,199 kru nelayan bot asing telah ditahan** dalam tempoh tersebut dari pelbagai Negara seperti Indonesia, Vietnam dan Thailand.
8. Melalui **Vessel Monitoring System (VMS)**, DOF telah mengesan sejumlah **128 buah vesel asing yang menceroboh** ke perairan Malaysia, 43% darinya adalah vesel Vietnam. Laporan dikemukakan kepada APMM secara harian untuk tindakan selanjutnya.
9. Sebanyak **433 kes vesel tempatan ke luar perairan perikanan negara tanpa kebenaran** telah dikesan. 259 kes (60%) adalah dikesan ke Thailand, 168 kes (39%) lagi ke Vietnam dan 3 kes (1%) ke China dan Indonesia.

10. Selain itu, terdapat 73 kes aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat tunda dua bot atau bot ganding yang melibatkan 38 buah vesel laut dalam juga telah dikesan dengan menggunakan sistem VMS. Kesemua pemilik vesel telah dipanggil pada 27 April 2017 untuk diberikan **amaran dan akujanji** dan 6 daripadanya telah diambil **tindakan gantung lesen**.

#### **TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL OLEH DOF**

11. DOF mengambil tindakan tegas dan berterusan dalam menangani isu ketirisan sumber tersebut. Program pemutihan vesel laut dalam telah dilaksanakan dan sehingga kini sebanyak **472 vesel telah dibatalkan lesen**. Tindakan ini diambil disebabkan terdapat vesel-vesel laut dalam yang melanggar Akta Perikanan 1985, syarat-syarat pelesenan dan ketirisan hasil tangkapan.
12. DOF juga telah mengambil tindakan dengan **memperketatkan syarat lesen**. Hanya vesel laut dalam yang memenuhi syarat pelesenan sahaja iaitu vesel hendaklah vesel asal, memenuhi syarat minimum pendaratan ikan tahunan (pukat tunda – 250 mt/tahun, pukat jerut- 350 mt/tahun dan rawai- 100 mt/tahun) dan keaktifan alat MTU hendaklah melebihi 80% setahun yang diluluskan pembaharuan lesen tahunan.
13. Bagi memastikan pengusaha vesel laut dalam mendaratkan ikan sepenuhnya di jeti pendaratan ikan di negara ini, DOF telah mengambil tindakan **memperkuuhkan sistem pendaratan ikan di pelabuhan** dengan melaksanakan (1) pilot projek **pemasangan kamera litar tertutup (CCTV)** di pangkalan LKIM Tok Bali, Kelantan dan juga (2) Projek Penggunaan Pas Keluar Masuk Vesel Laut Dalam di Pangkalan Pendaratan Ikan (SPVC2) di empat (4) buah pelabuhan iaitu Pelabuhan LKIM Tok Bali, Kelantan, Pelabuhan LKIM Kuantan, Pahang, Pelabuhan LKIM Kuala Perlis, Perlis dan Pelabuhan Bersepadu Tanjung Manis, Sarawak. Semua vesel laut dalam yang masuk ke pangkalan tersebut akan dipantau sepenuhnya. **Projek SPVC2 tersebut telah mula dilaksanakan pada 1 Mei 2017**.

14. Pemantauan ke atas vesel laut pantai (Zon A, B dan C) juga dibuat bagi memastikan pendaratan sumber perikanan dari subsektor laut pantai mencapai sasaran DAN. Sehubungan itu, bagi memastikan vesel pukat tunda Zon B mendaratkan ikan sepenuhnya di pangkalan yang telah ditetapkan dan juga menangani isu pencerobohan kawasan tangkapan, Jabatan telah mengambil tindakan dengan **memasang alat Automatic Identification System (AIS) keatas 2,630 buah vesel pukat tunda Zon B**. Sehingga kini sebanyak 1,116 buah vesel telah berjaya dipasang dengan alat berkenaan.
15. Selain itu, **mengukuhkan kerjasama serantau untuk membanteras penangkapan ikan secara haram (RPOA-IUU)** oleh ASEAN Sectoral Working Group on Fisheries and Regional Plan of Action (RPOA). Malaysia telah memohon negara-negara ASEAN dan ahli RPOA untuk menolak pendaratan mana-mana vesel penangkapan ikan dari negara Malaysia. Malaysia juga menggunakan platform bilateral dengan negara Vietnam dan Thailand bagi tujuan yang sama.

#### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

16. Pembangunan **tukun tiruan** juga dilaksanakan bagi menambah kepadatan dan meningkatkan stok sumber marin di samping memulih dan melindungi habitat marin yang musnah akibat aktiviti perikanan dan bencana alam.
17. Di Pantai Timur Malaysia yang terdiri dari Kelantan, Terengganu dan Pahang telah menarik jumlah pencerobohan yang tinggi kerana laut yang luas, masih kaya dengan kepelbagaian spesies ikan. Antaranya yang bernilai tinggi ialah sotong dan gamat. Kajian pentaksiran stok sumber perikanan di Malaysia yang dijalankan oleh pasukan penyelidik DOF mencatatkan nilai biomass bagi sumber dimersal, pelagik, tuna dan udang adalah sebanyak **1.8 juta tan metrik bernilai RM18.1 bilion**.

18. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menyeru semua pengusaha perikanan dan nelayan supaya memikul tanggungjawab bersama untuk sentiasa mematuhi syarat-syarat lesen, peraturan-peraturan perikanan di bawah Akta Perikanan 1985 bagi memastikan sumber perikanan yang mampan untuk menjamin sumber bekalan makanan pada masa akan datang.
19. Orang ramai khasnya para nelayan disaran agar menyalurkan maklumat-maklumat secara bertulis atau bergambar mengenai kegiatan yang menyalahi Akta Perikanan 1985 **secara telefon atau SMS hotline FISHCOM di talian 03-8880 5019 atau melaporkan kepada Pejabat Perikanan Daerah** yang berhampiran bagi tindakan susulan.

#####

**DATO' HAJI MUNIR BIN HAJI MOHD NAWI**

Ketua Pengarah

Jabatan Perikanan Malaysia

**08 November 2017 (Rabu)**